



Kenyataan Media

BELANJAWAN 2026: MCMC PERKUKUH KETERANGKUMAN DAN KESALINGHUBUNGAN NEGARA

CYBERJAYA, 11 Oktober 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menyambut baik penekanan Kementerian Komunikasi dalam Belanjawan 2026 terhadap usaha memperkukuh kesalinghubungan komunikasi, memperluas pembangunan infrastruktur digital negara, serta memperkasa masyarakat melalui teknologi dan inovasi.

MCMC komited melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang diumumkan di bawah Belanjawan 2026 bagi memperkukuh ekosistem komunikasi dan multimedia negara serta memastikan rakyat menikmati manfaat teknologi secara inklusif dan seimbang di seluruh Malaysia meliputi;

- I. Sambungan Kabel Dasar Laut MADANI (SALAM) – RM2 bilion**
Pembinaan kabel dasar laut sepanjang 3,190 km dari Johor ke Sabah dan Sarawak bagi memperkukuh kesalinghubungan dan capaian Internet negara.
- II. Peluasan Liputan JENDELA 2 – RM780 juta**
Peluasan jalur lebar ke 2,700 lokasi baharu, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
- III. Ketersambungan Internet Fasiliti Kesihatan – RM650 juta**
Meningkatkan sambungan Internet di hospital awam dan klinik kesihatan bagi memperkukuh perkhidmatan kepada rakyat.
- IV. Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) – RM350 juta**
Memperkasa 1,099 pusat komuniti sebagai hab latihan dan keusahawanan bagi membantu usahawan desa menjana pendapatan.
- V. Sistem Amaran Awal (EWS) – RM210 juta**
Membangunkan sistem amaran awal bencana bagi memperkukuh kesiapsiagaan negara dan melindungi rakyat.

Bagi memperkukuh kedaulatan data negara yang selamat dan beretika, MCMC akan membangunkan *Sovereign AI Cloud* dengan **pelaburan sebanyak RM2 bilion**. Inisiatif ini turut merangkumi **penubuhan AI Transformation Centre** bersama Universiti Multimedia (MMU) serta *Center of Excellence in Ethics for Emerging Technologies* sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan kecerdasan buatan (AI).

MCMC juga menyokong pelaksanaan **model dwirangkaian 5G** bagi memastikan kedua-dua rangkaian mencapai liputan 80 peratus menjelang 2026, sekali gus menyediakan perkhidmatan Internet yang lebih pantas dan mampu milik untuk rakyat serta perniagaan. Pada masa sama, MCMC akan memperluas **Kempen Internet Selamat** bagi meningkatkan kesedaran keselamatan siber dan penggunaan internet beretika kepada seluruh lapisan masyarakat.

Keseluruhannya, inisiatif di bawah Belanjawan 2026 mencerminkan komitmen MCMC untuk memperkukuh kesalinghubungan, meningkatkan kecekapan perkhidmatan komunikasi, dan memastikan rakyat di seluruh negara menikmati manfaat pembangunan secara saksama.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

